

Notis Privasi Terumo

Untuk Malaysia

Dikemaskini pada 4 April 2025

Pendahuluan

Terumo komited untuk melindungi privasi dan Maklumat Peribadi anda serta menghormati hak anda. Notis Privasi Global Terumo ini ("Notis") menerangkan cara syarikat kumpulan Terumo di Malaysia mengumpul, menggunakan, berkongsi, memindahkan, menyimpan dan melindungi (secara kolektif "memproses") maklumat peribadi anda, pelanggan kami, vendor, penjagaan kesihatan profesional, pesakit, subjek percubaan klinikal, pelawat laman web, calon, pemegang saham dan orang hubungan lain ("Subjek Data"). "Maklumat Peribadi" ialah sebarang maklumat yang berkaitan dengan anda, yang boleh digunakan untuk mengenal pasti anda secara peribadi, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bagi pekerja kami, notis privasi untuk pekerja hendaklah diguna pakai secara eksklusif. Sila tanya bahagian sumber manusia anda atau akses intranet yang berkaitan.

Sekiranya kami memutuskan untuk mengubah cara kami memproses Maklumat Peribadi anda, kami akan memaklumkan perubahan tersebut melalui Notis ini. Bagi sesetengah perubahan, kami mungkin akan memaklumkan anda dengan lebih jelas dan/atau memberikan notis awal, bergantung kepada keperluan undang-undang yang perlu kami patuhi. Kami berhak untuk mengubah amalan kami dan kandungan Notis ini pada bila-bila masa, selagi kami mematuhi prosedur yang dinyatakan di atas.

Notis ini mungkin tidak merangkumi semua kemungkinan pemprosesan data. Dalam sesetengah keadaan, kami mungkin akan memberikan anda notis yang lebih terperinci (seperti menghantar pemberitahuan atau melalui dasar

tambahan lain) yang berkaitan dengan pemprosesan Maklumat Peribadi

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan mengenai Notis ini atau cara kami mengumpul, menyimpan dan menggunakan Maklumat Peribadi anda, sila hubungi pejabat privasi global kami di privacy@terumo.co.jp

Notis ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Prinsip Asas

1. Pematuhan Undang-undang

Terumo memproses Maklumat Peribadi anda selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa

2. Penggunaan Maklumat Peribadi

Apabila Terumo mengumpul Maklumat Peribadi anda, Terumo akan memaklumkan kepada anda mengenai tujuan penggunaannya dan tidak akan menggunakannya untuk tujuan lain selain daripada tujuan yang telah dimaklumkan kepada anda, melainkan setelah memberikan notis terlebih dahulu atau memperoleh persetujuan anda, kecuali penggunaan tersebut adalah untuk tujuan yang serasi atau dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

3. Keselamatan Maklumat Peribadi

Terumo mengambil langkah-langkah keselamatan secara teknikal dan organisasi untuk mencegah kehilangan, kemusnahan, pemalsuan, pendedahan atau kebocoran Maklumat Peribadi anda ke luar Terumo serta akses tanpa kebenaran kepada Maklumat Peribadi anda. Langkah-langkah tersebut termasuk pengurusan hak akses, pemantauan akses, anonimisasi, pseudonimisasi, pemilihan pemproses dengan teliti, perjanjian bertulis dengan

pemproses, latihan kepada pekerja kami, dan langkah-langkah lain yang secara teknikal dan komersial munasabah untuk menyediakan perlindungan yang sewajarnya bagi Maklumat Peribadi anda.

Jenis maklumat yang kami kumpul

Kami mungkin mengumpul dan menggunakan jenis-jenis maklumat berikut bergantung kepada hubungan anda dengan Terumo (sesetengah maklumat yang disenaraikan di bawah tidak dianggap sebagai Maklumat Peribadi mengikut undang-undang yang berkuat kuasa) untuk tujuan pemprosesan dan dengan asas undang-undang yang dinyatakan di bawah:

Jenis Subjek Data	Jenis Maklumat	Tujuan pemprosesan	Asas undang-undang untuk pemprosesan
Pelanggan	Nama Alamat Alamat Emel Nombor Telefon	Mengurus komunikasi komersial, termasuk tawaran, pesanan, permintaan dan pertanyaan. Menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami.	Pelaksanaan dan pematuhan terhadap perjanjian yang dimeterai dengan anda, atau dengan syarikat atau organisasi tempat anda bekerja Persetujuan anda

		<p>Penambahbaikan produk dan perkhidmatan</p> <p>Mengurus ujian klinikal</p> <p>Mengurus hubungan pelanggan</p> <p>Mengurus pertikaian</p>	
Penjagaan Kesihatan professional (doctor, penjaga, pengendali, dan sebagainya)	<p>Nama</p> <p>Alamat</p> <p>Alamat Emel</p> <p>Nombor telefon</p> <p>Tajuk pekerjaan, peranan, aktiviti perniagaan, penglibatan dalam ujian klinikal, nombor pendaftaran dalam organisasi professional</p>	<p>Menghantar pendapat pakar</p> <p>Melaksanakan kajian klinikal</p> <p>Sesi latihan, bengkel, dan latihan produk lain.</p> <p>Penyeliaan</p> <p>Menguruskan geran dan derma</p> <p>Menganjurkan perjalanan dan pendaftaran di persidangan.</p> <p>Kewaspadaan produk</p> <p>Menghantar komunikasi</p>	<p>Pematuhan terhadap keperluan undang-undang atau peraturan kami.</p> <p>Pelaksanaan dan pematuhan terhadap perjanjian dengan anda atau syarikat atau organisasi tempat anda bekerja</p> <p>Pelaksanaan langkah-langkah prakontrak</p> <p>Persetujuan</p>

	<p>Pampasan dan faedah</p> <p>Maklumat bank</p> <p>Data yang diperlukan untuk visa (contohnya, nombor ID, nombor pasport, status keluarga, maklumat kehidupan peribadi, sijil insurans, dan sebagainya).</p> <p>Penerbitan profesional</p>	<p>pemasaran(termasuk buletin kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami</p> <p>Menguruskan pertikaian</p> <p>Melengkapkan formaliti peraturan berkaitan produk.</p>	anda
Pesakit	<p>Penerangan prosedur</p> <p>Pengenalpastian pesakit untuk ujian klinikal, kewaspadaan peranti perubatan, atau penambahbaik</p>	<p>Ujian/kajian klinikal</p> <p>Kewaspadaan produk</p> <p>Penambahbaikan produk dan perkhidmatan (kualiti).</p> <p>Perkongsian pengalaman dan kepakaran kami dengan penjagaan</p>	<p>Kewajipan kewaspadaan peraturan.</p> <p>Persetujuan anda</p>

	<p>an kualiti produk dan perkhidmatan</p> <p>Pengenalpastian data (umur, jantina, status perkahwinan)</p> <p>Data kesihatan (sebagai contoh, sejarah perubatan, penglibatan dalam ujian klinikal, X-ray)</p>	<p>kesihatan profesional</p> <p>Menguruskan pertikaian (terutamanya pengurusan aduan produk)</p> <p>Melengkapkan formaliti peraturan berkaitan produk</p>	
Wakil-wakil persatuan profesional penjagaan kesihatan	<p>Nama</p> <p>Alamat</p> <p>Alamat emel</p> <p>Nombor telefon</p>	<p>Menguruskan geran dan derma</p> <p>Menghantar pendapat pakar</p> <p>Melaksanakan kajian klinikal</p> <p>Meguruskan pertikaian</p>	<p>Pelaksanaan dan prestasi perjanjian dengan anda atau persatuan tempat anda bekerja.</p> <p>Pelaksanaan Langkah-langkah prakontrak</p> <p>Pematuhan terhadap keperluan</p>

			<p>undang-undang atau peraturan kami.</p> <p>Persetujuan anda</p>
Pengedar dan wakil jualan	<p>Nama</p> <p>Alamat</p> <p>Alamat emel</p> <p>Nombor Telefon</p>	<p>Mengurus komunikasi komersial, termasuk tawaran, pesanan, permintaan dan pertanyaan</p> <p>Pengurusan logistik dengan Penjagaan Kesihatan profesional.</p> <p>Menjalankan ketelitian wajar</p> <p>Menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin e-mel kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami</p> <p>Mengurus hubungan perniagaan</p>	<p>Pelaksanaan dan prestasi perjanjian dengan anda atau syarikat atau organisasi tempat anda bekerja</p> <p>Persetujuan anda</p>

		Mengurus pertikaian	
Pembekal dan penyedia perkhidmatan	Nama Alamat Alamat emel Nombor telefon Gambar anda melalui CCTV	<p>Mengurus komunikasi komersial, termasuk tawaran, pesanan, permintaan, dan pertanyaan</p> <p>Melakukan ketelitian wajar</p> <p>Menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin e-mel kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami</p> <p>Mengurus hubungan perniagaan</p> <p>Mengurus pertikaian</p> <p>Memastikan keselamatan peralatan melalui CCTV</p>	<p>Pelaksanaan dan prestasi perjanjian dengan anda atau syarikat atau organisasi tempat anda bekerja</p> <p>Persetujuan anda</p>
Rakan perniagaan lain	Nama Alamat	Menghubungi berkaitan peniagaan	Pelaksanaan dan prestasi perjanjian dengan anda

	Alamat emel Nombor telefon	Membalas pertanyaan dan permintaan Mengurus pertikaian	atau syarikat atau organisasi tempat anda bekerja Persetujuan anda
Pelanggan berpotensi, pengedar, pembekal, penyedia perkhidmatan, dan rakan perniagaan lain	Nama Alamat Alamat emel Nombor telefon	Berunding untuk hubungan perniagaan yang berpotensi Melakukan menelitian wajar Menghantar komunikasi pemasaran (termasuk buletin e-mel kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami Mengurus pertikaian	Kesimpulan kontrak Persetujuan anda
Calon Perkerja	Nama Alamat Alamat emel Nombor telefon	Menghubungi anda berkaitan permohonan Menilai kemahiran, kelayakan dan kesesuaian anda untuk jawatan	Persetujuan anda

	CV Maklumat sensitif termasuk data kesihatan dan data keluarga	tersebut. Mengurus pertikaian	
Pertanyaan melalui laman web Terumo atau pusat panggilan	Nama Alamat Alamat emel Nombor telefon ID dan kata laluan	Mengurus pertanyaan Menhantar komunikasi (termasuk bulletin emel kami) yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan kami Mengesahkan akses ke laman web Terumo	Pematuhan terhadap keperluan undang-undang atau peraturan kami Persetujuan anda
Pelawat kepada kemudahan Terumo	Nama Alamat Nombor telefon Gambar anda melalui	Memastikan keselamatan kemudahan dan peralatan melalui CCTV	Pencegahan atau pengesan jenayah

	CCTV		
Pemegang saham	Nama Alamat Alamat emel Nombor telefon	Mengurus mesyuarat pemegang saham Menhantar komunikasi (termasuk buletin kami) yang berkaitan dengan syarikat	Pematuhan terhadap keperluan undang-undang kami

Selain daripada jenis maklumat yang disenaraikan di atas, kami mungkin mengumpul dan menggunakan jenis maklumat lain yang berkaitan dengan anda yang mungkin telah anda berikan secara sukarela kepada kami, yang mungkin telah diberikan kepada kami dalam konteks hubungan perniagaan kami atau yang mungkin telah kami deduksi atau hasilkan daripada maklumat yang sudah ada dalam simpanan kami.

Sumber maklumat anda

Kami mungkin mengumpul Maklumat Peribadi anda yang telah anda berikan secara sukarela kepada kami (contohnya dengan memohon atau mendaftar untuk acara, melawat gerai kami di persidangan, menyertai pameran perdagangan, webinar, seminar, acara latihan, dengan menghantar resume atau kad perniagaan anda, dengan menjawab tinjauan atau menyertai ciri laman web, dengan menghubungi pusat panggilan kami, atau dengan menyertai ujian klinikal kami) atau yang telah diberikan kepada kami oleh syarikat atau organisasi tempat anda bekerja

Kami mungkin menerima atau mengumpul Maklumat Peribadi anda secara tidak langsung dari sumber lain seperti rakan perniagaan kami, broker data, atau sumber awam seperti rangkaian sosial, laman web awam dan media sosial (contohnya, Facebook, LinkedIn, X (Twitter), Instagram, WeChat).

Tempoh penyimpanan

Kami hanya menyimpan Maklumat Peribadi anda selama mana yang diperlukan untuk tujuan yang disenaraikan di atas atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, kami mungkin diwajibkan untuk menyimpan sesetengah Maklumat Peribadi untuk jangka masa yang lebih lama, mengambil kira faktor-faktor termasuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang (contohnya, jika berpotensi menimbulkan sebarang pertikaian)

Sementara kami terus memproses Maklumat Peribadi anda, kami akan memastikan ia dikendalikan selaras dengan Notis ini. Jika tidak, kami akan memadamkan atau menganonimkan Maklumat Peribadi anda dengan selamat sebaik sahaja ia tidak lagi diperlukan

Hak pemilik data

Di bawah undang-undang yang berkuat kuasa, anda, mempunyai hak-hak berikut:

- Akses kepada maklumat peribadi anda
- Membetulkan maklumat peribadi anda
- Menghalang pemrosesan yang berkemungkinan menyebabkan kerosakan dan tekanan emosi
- Menghalang pemrosesan untuk tujuan pemasaran langsung
- Menarik balik persetujuan
- Memindahkan data yang telah kami kumpulkan ke organisasi lain (tertakluk kepada kemungkinan dan keserasian format)

Untuk menuntut hak-hak anda (termasuk akses, membetulkan, memindahkan dan/atau mengehadkan pemrosesan data peribadi anda), atau jika anda

mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data (DPO) kami di TMSB_DPO@terumo.co.jp.

Sila maklum bahawa kami mungkin akan memindahkan pertanyaan anda dan maklumat perhubungan anda kepada syarikat kumpulan yang sesuai apabila perlu.

Bagi menjamin keselamatan Maklumat Peribadi anda dan untuk mengelakkan sebarang penyalahgunaan, sebelum kami bertindak balas terhadap permintaan anda, kami akan meminta anda untuk memberikan bukti identiti yang boleh diterima dan akan mengesahkan kesahihan permintaan anda serta sama ada semua syarat telah dipenuhi.

Kesan ketiadaan maklumat peribadi anda

Memberikan Maklumat Peribadi kepada kami adalah secara sukarela dari pihak anda. Anda boleh memilih untuk tidak memberikan maklumat anda kepada kami, namun jika anda melakukannya, kami mungkin tidak dapat menyediakan produk atau perkhidmatan yang berkaitan atau berkomunikasi dengan anda dengan berkesan.

Memberi maklumat kepada pihak ketiga

Terumo tidak akan menjual, menyewa, mengedar atau sebaliknya menyediakan Maklumat Peribadi untuk tujuan komersial kepada mana-mana pihak ketiga kecuali jika anda memberi persetujuan kepada kami untuk berbuat demikian dan sebaliknya kepada pihak ketiga yang dinyatakan di bawah:

(a) Syarikat-syarikat Kumpulan Terumo

Kami mungkin akan berkongsi Maklumat Peribadi anda dalam syarikat-syarikat kumpulan kami yang mungkin menggunakan untuk tujuan yang sama seperti yang kami lakukan, atau sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini. Senarai syarikat-syarikat kumpulan kami boleh

didapati di laman web di bawah

<https://www.terumo.com/contact/locations>

(b) Penyedia perkhidmatan

Kami juga berkongsi Maklumat Peribadi anda dengan penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami mengikut keperluan. Kami memilih penyedia perkhidmatan ini dengan teliti dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan Maklumat Peribadi anda dilindungi dengan secukupnya. Semua penyedia perkhidmatan kami terikat dengan kontrak bertulis untuk memproses Maklumat Peribadi yang diberikan kepada mereka hanya untuk tujuan menyediakan perkhidmatan tertentu kepada kami dan untuk mengekalkan langkah-langkah keselamatan yang sesuai bagi melindungi Maklumat Peribadi anda

(c) Pihak berkuasa Kesihatan, persatuan industri

Kami mungkin dikehendaki untuk mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada pihak berkuasa kesihatan dan persatuan industri untuk mematuhi peraturan mengenai perkara seperti pemantauan, laporan ketelusan, ujian klinikal, permohonan untuk kelulusan peraturan, penarikan semula produk dan laporan lain

(d) Pihak berkuasa yang lain

Kami juga mungkin diminta untuk mendedahkan Maklumat Peribadi anda seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa lain seperti kementerian, mahkamah, agensi cukai, pejabat kerajaan tempatan di bawah undang-undang, peraturan, perintah mahkamah atau perintah pentadbiran. Dalam kes ini, hanya maklumat yang diminta secara khusus akan didedahkan.

(e) Pemilik, pelabur

Kami mungkin mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada bakal pemilik atau pelabur kami sekiranya berlaku penggabungan,

pengambilalihan, penyerahan hak, usaha sama atau transaksi korporat lain yang berkaitan dengan Terumo

Pemindahan Maklumat Peribadi Merentas Sempadan

Kami adalah sebuah organisasi antarabangsa yang beroperasi secara global, dan dalam beberapa kes, kami akan memindahkan Maklumat Peribadi anda ke negara atau wilayah di luar tempat tinggal/lokasi anda yang mungkin tidak menjamin tahap perlindungan atau Maklumat Peribadi yang sama seperti di tempat tinggal anda. Sebelum memindahkan sebarang Maklumat Peribadi ke luar negara, kami akan mengambil semua langkah yang diperlukan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan untuk memastikan penerima akan melindungi Maklumat Peribadi tersebut selaras dengan polisi kami dan undang-undang yang berkenaan.

Cookies

Apabila anda melawat atau berinteraksi dengan laman web kami, kami (atau penyedia pihak ketiga kami) mungkin menggunakan "cookies" atau teknologi serupa untuk menyesuaikan dan meningkatkan pengalaman anda. "Cookie" adalah maklumat kecil yang dihantar ke komputer pelawat atau peranti lain yang disambungkan ke Internet untuk mengenal pasti pelayar pelawat secara unik atau untuk menyimpan maklumat atau tetapan dalam pelayar. Cookies digunakan terutamanya untuk memastikan laman web kami berfungsi, atau berfungsi dengan lebih efisien, serta untuk menyediakan data kepada pemilik laman web.

Kebanyakan pelayar web menerima cookies dan fail serupa, tetapi anda biasanya boleh mengubah tetapan pelayar anda untuk menghalangnya. Jika atas sebarang sebab anda memutuskan bahawa anda tidak menyukai penggunaan cookies tertentu oleh kami, anda boleh mengubah tetapan anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda berbuat demikian, beberapa fungsi laman web kami mungkin tidak berfungsi dengan baik.

Sila lihat pemberitahuan cookie di laman web Terumo yang berkaitan untuk butiran lanjut

JADUAL PERUBAHAN DOKUMEN

Versi	Tarikh dikeluarkan	Keterangan Perubahan
1	26-03-2025	Dokumen baru
2	04-04-2025	Pindaan Malaysia